

Katakan Tidak Kepada Pembuangan Haiwan Kesayangan

Keputusan yang diambil untuk memiliki haiwan kesayangan tidak seharusnya diambil ringan. Sebaik saja anda menjadi pemilik haiwan kesayangan, anda perlu komited terhadap kehidupan haiwan kesayangan tersebut.

Anda tidak seharusnya menjadikan pembuangan haiwan kesayangan sebagai suatu pilihan.

Sesiapa yang didapati bersalah kerana meninggalkan haiwan kesayangan boleh didenda sehingga \$10,000 atau dipenjarakan selama 12 bulan, atau kedua-duanya sekali.



Haiwan kesayangan
adalah untuk
sepanjang hayat

Ikon Pemilikan Haiwan Kesayangan Yang Bertanggungjawab

Ikon Pemilikan Haiwan Kesayangan Yang Bertanggungjawab AVA digambarkan oleh tapak kaki haiwan berbentuk hati yang terletak pada tangan manusia. Seperti mana seorang ibu yang memegang tangan anaknya melambangkan kasih sayang, penjagaan dan perlindungan yang tidak bersyarat, Ikon Pemilikan Haiwan Kesayangan Yang Bertanggungjawab melambangkan kasih sayang pemilik terhadap haiwan kesayangannya.

Warna merah dan jingga menandakan ikatan yang hangat dan kukuh diantara haiwan kesayangan dan pemiliknya. Tangan yang berupa mengangkat sampah, melambangkan janji komitmen sepanjang hayat terhadap haiwan kesayangan tersebut.


Perlu maklumat lanjut mengenai pemilikan haiwan kesayangan yang bertanggungjawab?

Lungsuri laman AVA di www.ava.gov.sg atau hubungi talian pemilikan haiwan kesayangan AVA di 6471 7197.

Haiwan kesayangan adalah untuk sepanjang hayat




Haiwan kesayangan
adalah untuk
sepanjang hayat

Inisiatif Pemilikan Haiwan Kesayangan Yang Bertanggungjawab Oleh  AVA

5 Maxwell Road #03-00 MND Complex, Tower Block Singapore 069110
Tel: (65) 6325 7625 Fax: (65) 6220 6068
Website: www.ava.gov.sg



Haiwan kesayangan
adalah untuk
sepanjang hayat

Inisiatif Pemilikan Haiwan Kesayangan Yang Bertanggungjawab Oleh  AVA

Ingin Memiliki Haiwan Kesayangan? Pastikan Anda Sudah Benar-Benar Bersedia.

Haiwan kesayangan boleh dijadikan sebagai teman yang menyeronokkan. Malah, kepuasan yang dikecapi melalui ikatan yang terjalin diantara pemilik dan binatang kesayangan merupakan sebab mengapa ramai memiliki haiwan kesayangan.

Walau bagaimanapun, ramai orang membeli haiwan kesayangan yang comel secara mendadak tetapi menyedari kemudian bahawa mereka tidak lagi berminat dengannya atau tidak dapat menjaganya lagi. Akibatnya, banyak haiwan kesayangan menjadi terbiar. Demi menghindarkan perkara ini daripada berlaku, ambillah langkah bijak dengan meluangkan masa dan usaha untuk mengetahui lebih lanjut mengenai haiwan kesayangan yang anda berhasrat untuk memiliki sebelum anda mendapatkannya. Salah satu daripada perkara penting yang harus dilakukan adalah untuk memastikan semua ahli keluarga bersetuju untuk memiliki haiwan kesayangan. Di samping itu, terdapat beberapa faktor lain yang perlu dipertimbangkan termasuk:

Adakah anda mempunyai masa bagi haiwan kesayangan anda?

Haiwan kesayangan tersebut memerlukan anda untuk diberi makan, dijaga, dibersihkan dan beriadah. Ia juga perlukan anda menjadi temannya. Haiwan kesayangan seperti anjing perlu dilatih. Semua ini memerlukan masa.

Sejauh manakah anda mengetahui mengenai haiwan kesayangan yang anda ingin miliki?

Haiwan kesayangan yang berlainan mempunyai ciri yang berbeza dan mungkin mendatangkan masalah yang perlu anda atasi. Ia mungkin jatuh sakit dan haiwan kesayangan yang tidak terlatih mungkin akan merosakkan perabot anda atau menyebabkan masalah lain.

Apakah anda mampu memiliki haiwan kesayangan?

Kos memiliki haiwan kesayangan mungkin tinggi. Perbelanjaannya seperti makanan, pemeriksaan kesihatan, kebersihan diri dan kelas latihan boleh meningkatkan kos tersebut.

Apakah anda bersedia menjadi pemilik haiwan kesayangan yang bertanggungjawab?

Terdapat banyak aspek untuk menjadi pemilik haiwan kesayangan yang bertanggungjawab. Selain daripada menjaganya, anda perlu mempunyai sikap bertimbang rasa dan memastikan agar haiwan kesayangan anda itu tidak mengganggu orang lain. Ini bererti mematuhi undang-undang pelesenan, mengembirakan haiwan kesayangan anda serta membersihkan tempat haiwan kesayangan anda membuang najis di tempat awam.

Membuat Keputusan Mengenai Jenis Haiwan Kesayangan

Apabila anda pasti bahawa anda sudah bersedia untuk menjadi pemilik haiwan kesayangan yang bertanggungjawab, penting bagi anda untuk memilih jenis haiwan yang bersesuaian dengan gaya hidup anda. Haiwan kesayangan adalah komitmen sepanjang hayat, dari itu pastikan anda mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri dan jangka hayatnya sebelum membuat pilihan.

Jenis haiwan kesayangan & purata jangka hayatnya

Anjing & Kucing	hingga 20 tahun
Arnab	8 hingga 12 tahun
Hamster	2 hingga 2.5 tahun
Tikus Belanda	4 hingga 8 tahun
Kura-kura	lebih daripada 20 tahun

